

Headline	UniMAP sedia 5 program buat 20,000 pengunjung		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	238,082
Page No	14	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	224 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,335



UniMAP sedia 5 program buat 20,000 pengunjung

ARAU 11 April - Lima program mega bakal menanti pengunjung di kamпус induk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Pauh Putra di sini yang bermula esok hingga Ahad ini.

Kelima-limanya ialah Program Kesihatan 10,000 Langkah, Upacara Penanaman Pokok, Malaysia International Robot Competitions (MIRoC) 2014, International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2014 (i-ENVEX 2014) dan Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN).

Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin memberitahu, UniMAP menyasarkan kehadiran lebih 20,000 pengunjung ke kamпусnya itu menerusi lima program yang dijangka menarik minat ramai.

"Acara pertama, Program 10,000 Langkah akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Helmi Yahaya.

"Program ini merupakan inisiatif universiti dalam membudayakan warga UniMAP kepada amalan gaya hidup sihat dan dijangka disertai lebih 3,000 orang terdiri daripada staf dan keluarga serta pelajar UniMAP," katanya.

Selain itu, katanya program sehari itu meliputi Upacara Penanaman Pokok yang akan disempurnakan oleh Ketua Pentagon Insti-

tut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohamad.

Menerusi program tersebut FRIM telah menyumbangkan sebanyak 500 pokok untuk ditanam di sekitar kampus UniMAP Pauh Putra, sebahagian daripada usaha FRIM menyokong inisiatif kampus hijau yang dilancarkan oleh UniMAP.

Kata Kamarudin, dua program dalam kategori Sains dan Inovasi akan berlangsung di Dewan Peperiksaan kampus berkenaan iaitu MIRoC 2014 dan i-ENVEX 2014.

MIRoC merupakan program tahunan yang dianjurkan UniMAP sejak 2010, melibatkan empat acara yang terdiri daripada Rope Climbing Robot, Fire Fighting Robot dan Rescue Robot serta Conquere Robot.

Sementara itu, jelas Kamarudin, program i-ENVEX yang mula dijalankan pada tahun 2009, bakal menyaksikan penyertaan 20 negara, antaranya, Kemboja, China, Mesir, India, Indonesia, Iraq, Korea Selatan, Filipina dan Malaysia.

Beliau berkata, sebanyak 398 produk penyelidikan akan dipamer dan dipertandingkan mengikut empat kategori yang telah ditetapkan iaitu, Sekolah Menengah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), UniMAP Internal dan antarabangsa.

Program terakhir, KPTN Ke-10

bagi zon utara atau lebih dikenali sebagai Program Jom Masuk U bakal memberi peluang kepada pengunjung khususnya pelajar untuk mendapatkan maklumat berkaitan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam ataupun Swasta.

UniMAP telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjadi tuan rumah Program Jom Masuk U bagi zon keempat yang akan berlangsung selama dua hari, bermula esok hingga Ahad ini.

Turut terlibat dengan dalam program dijalankan ialah agensi di bawah KPM serta badan-badan berkaitan seperti pihak yayasan negeri, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan Malaysian Qualifications Agency (MQA).



KAMARUDIN HUSSIN

HILMI YAHAYA